

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Masyarakat kita sesudah 1990

SOAL Jika pembangunan negara dapat berjalan dengan sempurna, sebagaimana yang dirancang, apakah bayangan masyarakat yang Datuk Seri lihat sesudah 1990? Apakah kejayaan utama dan apakah, jika ada, masalah asas yang akan kita hadapi?

● PM: Tahun 1990 ialah tarikh akhir bagi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Tujuan kita ialah supaya apabila tercapai matlamat DEB, maka kita akan dapati masyarakat Malaysia tidak lagi terbahagi mengikut kaum dan mengikut jenis pekerjaan. Di semua bidang pekerjaan kita akan dapati semua kaum mengambil bahagian mengikut peratusan penduduk di negara ini. Umpamanya kita ingin melihat 45 ataupun 50 peratus Bumiputera terlibat di bidang pembangunan, baik di bidang kejuruteraan dan kedokteran, mahupun perniagaan dan lain-lain.

Dengan itu, maka perasaan syak wasangka antara kaum dapat dikurangkan dan mereka akan dapat bercampur-gaul bukan sahaja semasa bekerja, tetapi juga semasa mereka menyertai kegiatan-kegiatan lain seperti sukan, sosial, kebudayaan dan sebagainya.

Kejayaan yang terutama pada kita ialah menentukan supaya punca kekayaan negara ini dibahagikan secara adil dan saksama kepada semua kaum. Maksudnya, tidak ada satu kaum yang mendapat bahagian yang berlebihan daripada kaum lain. Lebih di sini bermaksud lebih berbanding dengan jumlah peratusan kaum itu di dalam masyarakat Malaysia.

Masalah asas yang kita hadapi sekarang ini ialah masalah kemampuan Bumiputera, terutamanya untuk memainkan peranan yang dikehendaki bagi mereka untuk memasuki bidang-bidang yang telah ditentukan untuk mereka. Mengadakan peluang sahaja tidak ada maknanya melainkan Bumiputera sendiri sanggup menggunakan peluang-peluang ini dengan cara yang berkesan. Untuk memberi kesan kepada penglibatan mereka, mereka perlulah, pertamanya, sanggup memasuki bidang-bidang itu dan, keduanya, mempelajari segala kecekapan dan kemahiran yang diperlukan oleh bidang-bidang itu.

Sebenarnya kecekapan kemahiran adalah perkara yang mudah diserapkan jika ada keinginan dan kesanggupan untuk memasuki sesuatu bidang. Yang penting sekali ialah kita mesti mempunyai kesanggupan bekerja keras sama seperti kaum-kaum lain. Jika kita dapat mengatasi masalah kemampuan Bumiputera ini, kita yakin matlamat akan tercapai.

Sedutan dari buku terbaru Perdana Menteri, 'Cita-cita dan Pencapaian', yang kini di pasaran.